Contoh laman web sedia ada di internet yang sesuai adalah perlu untuk dijadikan panduan dan untuk pengumpulan maklumat yang penting untuk kegunaan menyiapkan projek laman web ini. Teknik yang dikenalpasti ini ialah melalui penjelajahan di internet (exploring the web) dan juga rujukan daripada buku-buku yang berkaitan dengan e-dagang atau e-niaga. Di Internet juga, dikenalpasti tapak-tapak yang sesuai untuk mempelajari bahasa pengaturcaraan yang akan digunakan iaitu PHP 4.0 dan MySQL. Laman web tersebut adalah seperti <http://www.php.net>, <http://www.phpbuilder.com>, <http://www.mysql.com>. Mengenai buku yang akan dirujuk, ia adalah bagi membantu untuk mendapatkan solusi tertentu keperluan sistem seperti antaramuka laman web dan penggunaan ‘shopping cart technology’.

2.2 ANALISIS SISTEM YANG SEDIA ADA

2.2.0 Perbezaan laman web Amazon.com dan Barnes & Noble (www.bn.com)

dengan laman web ‘online bookstore’ sederhana.

Laman web Amazon.com

Barnes & Noble.com - Articles - Microsoft Internet Explorer

File Edit View Favorites Tools Help

Stop Refresh Home Search Favorites Help Mail Print Edit Options Messenger Real.com

Address C:\My Documents\WET 3162\download 100\Barnes & Noble_com - Articles.htm

BARNES & NOBLE www.bn.com

Home | Bookstore | Out of Print | College Textbooks | Bargain Books | eBooks | Articles for Download | Music | DVDs | PC & Video Games | Magazine Subscriptions | Online Courses

Newspapers | Computing | General Interest | Collectibles | Back Issues | All Subjects | FAQ

Articles for Download Powered by MightyWords...

Barnes & Noble.com brings you a world of digital information from MightyWords, a leader in digital publishing. Our selection includes thousands of articles on computing, business briefings, white papers and research reports. Purchase and download instantly in PDF format. No shipping costs! No devices needed!

New Technologies

Glimpses of the New Network: The Real Convergence Story : Release 1.0
by Kevin Werbach, Esther Dyson • 24 pages • \$95.00

Hybrid services that combine voice and data are the tip of an important iceberg. Above the waterline, these services suggest how the Net will change the way we communicate. Below the surface, they are paving the way for the convergence of the Net and the global telephone network. Discover the companies developing these exciting applications.

[More Info](#) • [Free PDF Preview](#)

More New Technologies Matter

- DeCotis's Role in the Global Wireless Internet : World-Class Foo or Global Ho-Show?
by Tom Kuchervy, Summit Strategies • 34 pages • \$250.00
- iMode : The Benchmark for Wireless Internet
by Gerhard Fasol, Ph.D. • 130 pages • \$475.00
- Short-Range Wireless Communication
by Alan Beitsky • 302 pages • \$48.95

Business Planning

10 Tips for Writing a Winning Business Plan
by Joseph R. Mancuso • 47 pages • \$6.95

Use this tool as a launchpad for your new business venture. Learn the 10 basic principles to writing an effective business plan and gearing it to the people who control the cash. Examines what investors look for and how to address their tough questions. Just to keep you organized, also included is a detailed checklist!

More Business Planning Matter

- The New York Times Pocket MBA Series : Business Planning: 25 Keys to a Sound Business Plan
by Edward E. Williams, Ph.D., James R. Thompson, Ph.D., et al • 49 pages • \$12.95
- LIVE Start-Up Business Guide
by John E.D. Coffey, Marcia C. Coffey • 219 pages • \$25.00
- Mastering a One-Page Strategic Plan

Please Note: The links and search box on this page take you to MightyWords.com. We recommend that you complete your checkout here at Barnes & Noble.com before going to MightyWords.com. If you leave our site, you will not be able to access your Barnes & Noble.com shopping cart.

Overall Bestsellers

- Visual Basic.NET or C# - Which to Choose?
by David Appleman • 41 pages • \$9.95
- RFP Development: How to Write a Request for Proposal : The Key to Writing Successful RFPs

Laman web Barnes& Noble (www.bn.com)

Gambarajah di atas menunjukkan dua buah laman web iaitu Amazon.com dan Barnes & Nobles yang membolehkan orang ramai untuk membeli buku di atas talian. Amazon.com adalah yang paling terkenal. Pada mulanya syarikat ini menjual buku-buku sahaja tetapi kini ianya telah berkembang dengan menyediakan pelbagai produk seperti komputer, kamera digital, cakera DVD, barang kanak-kanak dan lain-lain.

Di sini adalah kebaikan-kebaikan dan keburukan-keburukan proses pembelian buku dari laman web Amazon.com

Kebaikan:-

- Anda boleh mendapat sebarang buku yang dikehendaki (dalam dan luar negeri)
- Buku dijual mempunyai diskaun sehingga 40% dari harga biasa
- Terdapat pelbagai cara untuk membuat pembayaran (kad kredit, cek, fax atau pesanan wang pos)
- Laman ini mudah untuk dilayari
- Segala transaksi adalah dijamin tahap keselamatan. Ia mengakui mempunyai satu daripada perisian sekuriti yang terbaik di dunia – SSL
- Laman ini boleh dilayari bukan sahaja dalam bahasa Inggeris tetapi juga dalam bahasa-bahasa seperti Perancis, Jerman, Sepanyol dan Jepun.

Keburukan:-

- Pelanggan perlu menunggu antara 2 hingga 12 minggu untuk penghantaran barang yang dibeli
- Anda terpaksa membayar dalam dolar U.S. dan ini akan menimbulkan harga yang mahal untuk sesetengah negara.
- Produk yang dibeli mungkin akan rosak di dalam perjalanan (shipping)
- Kualiti barang tidak terjamin selain daripada buku. Contohnya, barang yang sudah tamat tempoh penggunaannya.
- Tiadanya polisi pemulangan barang yang jelas daripada laman web ini.

Laman web seperti Amazon.com dan Barnes & Noble ini telah menjual pelbagai barang selain daripada buku. Ini menghasilkan peningkatan kepada jumlah pembeli.


Mereka juga telah menghapuskan barang kecantikan wanita seperti minyak wangi kerana barang seperti ini lebih mudah diperolehi di pasaraya-pasaraya.

Perbezaan yang ketara dapat dilihat di antara laman web e-dagang Amazon.com dan Barnes & Noble adalah dari segi saiz dan barang yang dijual. Syarikat sederhana yang menjalankan perniagaan buku secara atas talian hanya menumpukan hanya kepada produk buku-buku sahaja. Tetapi bagi Amazon.com contohnya terdapat pelbagai barang yang ditawarkan selain daripada buku iaitu seperti barang kanak-kanak, muzik, video dan tidak kurang juga kereta.

Walaubagaimanapun syarikat tempatan di Malaysia seperti www.books.com.my sudah tentu mendapat manfaat kerana pelanggan-pelanggannya adalah dari seluruh Malaysia. Ini akan memastikan produk yang dijual adalah dalam nilai matawang negara kita dan tempoh penghantaran kepada pelanggan adalah lebih singkat. Kelemahan yang jelas kepada syarikat buku yang menjalankan perniagaan di atas talian adalah terhadnya barang kepada buku sahaja dan tidak barang-barangan lain seperti yang ditawarkan oleh Amazon.com


Melalui enjin carian di internet, dijumpai satu laman web yang mempunyai kandungan yang serupa dan boleh diikuti ke dalam projek laman web yang akan dibangunkan. Laman web tersebut boleh dilayari di alamat <http://www.thesmallworldbookstore.com>. Laman web ini berpangkalan di Canyon Country California, Amerika Syarikat. Dari ‘url’ yang tertulis itu sahaja kita dapat memahami bahawa tapak web ini adalah dari syarikat yang kecil dan menjual buku-buku secara atas talian. Di laman web The Small World Bookstore ini, pemiliknya menjual buku-buku untuk kategori kanak-kanak. Melalui katalognya kita dapat mengimbas (browse) buku-buku yang dijual dan memasukkan buku yang ingin dibeli ke dalam ‘shopping cart’. Tapak web ini mempraktikkan teknologi ‘shopping cart’ untuk urusniaga pembelian buku-buku yang dijual.

2.2.1 KAJIAN KES: The Small World Bookstore




Gambarajah 2.0 : Halaman The Small World Bookstore yang meniagakan buku kanak-kanak secara atas talian

Tapak web ini dibangunkan oleh syarikat *The Small World Bookstore* sendiri dan ianya dibina melalui orang tengah iaitu daripada tapak web <http://www.ecbuilder.com>. Melalui tapak web ini, pengguna dapat membeli buku untuk kanak-kanak secara atas talian. Ianya adalah khusus untuk buku kanak-kanak sahaja. Buku-buku dapat dipilih dari ‘link’ katalog yang disediakan di muka hadapan laman web.




Gambarajah 2.2: Katalog yang disediakan untuk buku-buku kanak-kanak yang dijual

Gambarajah di atas menunjukkan katalog buku-buku yang dijual oleh tapak web ini. Pengguna yang ingin mengetahui maklumat lanjut untuk setiap buku sebelum membeli hanya perlu klik ikon kecil buku atau pada ‘link’ yang diberikan.



(a)

Gambaran 2.3 (a,b) Buku yang selanjutnya berita jualan dimana dia dijelaskan




(b)

Gambarajah 2.3 (a,b) : Buku yang telah dipilih dan sedia untuk dimasukkan ke dalam ‘shopping cart’

Gambarajah di atas merupakan contoh penggunaan fungsi dimulakan dengan ‘cookies’. Dari inputan di perancangan menggunakan pilihan menu, maklumat mencari buku buku hasil carian muncul pada ‘link’ ‘Click here to Continue Shopping!’. Walaupun dalam jangka masa butang ‘push button’ ini tidak ‘ready now’ (tak tahu pengguna menggunakan semasa dan sejumlah buku-buku yang telah dipilih di dalam ‘cart’. Perihal ini adalah separuh dari segi keselarasan teknikal pentadbiran secara logik.

Bentuk butang yang kedua ini ‘Clear the shopping basket’ adalah untuk pengguna yang ingin membatalkan segala buku-buku yang dipilih di dalam shopping cart.



Gambarajah 2.4 : Kandungan ‘shopping basket’ pengguna

Gambarajah di atas menunjukkan ‘shopping basket’ pengguna yang diimplementasikan dengan ‘cookies’. Dari laman web ini pengguna mempunyai pilihan untuk meneruskan mencari buku-buku lain dengan menekan pada ‘link’ ‘Click here to continue Shopping’ atau menekan dua ikon yang lain. Ikon butang ‘push button’ ini iaitu ‘order now’ ialah untuk pengguna mengakhiri pencarian dan memesan buku-buku yang telah dipilih di dalam ‘cart’. Pembelian adalah terjamin dari segi keselamatan melalui pembayaran secara kad kredit.

Ikon butang yang kedua iaitu ‘Clear the shopping basket’ adalah untuk pengguna yang ingin membatalkan segala buku-buku yang dipilih di dalam shopping cart.

Secara umumnya, boleh dikatakan rekabentuk laman web ini ringkas dan sesuai untuk setiap lapisan pengguna. Walaupun penyampaiannya sangat ringkas, ini lebih baik kerana pengguna tidak dibebankan dengan banyak tulisan yang memenuhi segenap ruang laman web itu. Bahasa yang digunakan iaitu Bahasa Inggeris juga sangat jelas dan mudah difahami. Kelebihan lain yang dimiliki oleh laman web ini ialah iaanya cepat untuk di ‘download’ kerana kurang grafik digunakan. Jadi, daripada penyampaian yang ditunjukkan dari laman web ini, dapat dibuat andaian bahawa pembangun tapak web ini hendak memastikan laman web ini tampak ringkas dan mudah diguna oleh masyarakat.

Bab 3

Metodologi

KONSEP KONSEP DALAM SISTEM

Antara nombor penting dalam sistem adalah di antara cati akurasi untuk mempunyai sambungan dengan maklumat pencatatan yang belum atau tidak buk diajukan. Jika maklumat tersebut dibuk diajukan akan mengakibatkan maklumat berada dalam sistem dan maklumat tersebut boleh dilantik, tetapi buk diajukan akan mengakibatkan maklumat tersebut di dalam sistem menjadi lemah dan maklumat tersebut tidak berpasang dengan cati.

Bab 4

Rekabentuk Sistem

Relasional pada sistem ini adalah sistem yang menggunakan relasi berdimensi dua dan jalinan antara dua objek. Sistem ini boleh merupakan sistem klasik yang menggunakan relasi yang statik. Ia juga boleh merupakan sistem dinamik yang menggunakan relasi yang berubah-ubah. Relasi berubah-ubah ini boleh merupakan relasi puru perbelanjaan antara buk diajukan bersama-sama. Asetias yang berfungsi untuk menjaga bergerak dan pertukar buk diajukan yang bukan sejelas yang maklumat berfungsi menjalin maklumat buk diajukan dengan maklumat dan laporan buk diajukan.

4.0 PENGENALAN

Antaramuka pengguna sesuatu sistem adalah di antara ciri utama untuk mengenalpasti sama ada sesuatu sistem itu merupakan sistem yang baik atau tidak baik digunakan. Jika antaramuka yang dibuat adalah susah atau sukar diguna oleh pengguna, maka ini akan mengakibatkan pengguna kerap melakukan kesilapan. Dan ini akan menjadi lebih teruk lagi jika orang ramai tidak menyukainya kerana tidak berpuas hati dengan ciri-ciri yang terdapat pada sistem tersebut.

Walaupun antaramuka yang bercirikan teks sudah pasti akan kekal sampai bila-bila, kebanyakan pengguna mengharapkan aplikasi sistem mempunyai ciri-ciri antaramuka bergrafik ataupun beranimasi. Antaramuka yang mengandungi aspek teks dan mempunyai grafik dipanggil Antaramuka Pengguna Bergrafik (GUI).

Rekabentuk yang akan dibangunkan untuk laman web e-dagang ini adalah berdasarkan teks dan juga grafik. Kaedah ini dipilih sesuai dengan budaya masyarakat masa kini yang mementingkan sistem berinteraktif dan menarik. Ia juga mestilah mudah digunakan oleh para pengguna. Satu contoh yang sangat diminati ketika ini oleh para pembangun laman web ialah animasi bergrafik. Animasi yang berupa imej yang bergerak dari satu sudut ke satu sudut yang lain ataupun yang seakan terawang-awang menjadikan sesebuah laman web itu lebih menarik dan '*eye-catching*'.

4.0.1 Rekabentuk Antaramuka yang Baik

Rekabentuk sistem yang akan dibangunkan ini akan menitikberatkan kehendak, pengalaman dan keupayaan pengguna. Untuk menjadikan ia sesuatu yang mencapai tahap yang disebutkan tadi, berikut adalah 5 prinsip yang akan dipatuhi:

I. Mesra Pengguna

Antaramuka seharusnya menggunakan bahasa dan konsep yang mana berada dalam batasan pengalaman bagi individu atau kumpulan pengguna laman web.

II. Konsisten

Antaramuka seharusnya konsisten semasa operasinya dengan keseluruhan laman menggunakan cara yang serupa atau sama.

III. Kejutan minima

Pengguna tidak perlu dikejutkan dengan sifat-sifat sistem. Interaksi antara laman web dan pengguna adalah bercirikan ‘continuous feedback’ iaitu setiap

manipulasi objek dan perubahannya adalah berlaku serentak dengan arahan pengguna.

IV. Mencapai Kembali

Antaramuka pengguna juga sepatutnya mempunyai mekanisma yang membolehkan pengguna berpatah kembali kepada keadaan asal sebelum berlakunya sesuatu kesilapan pengguna (undo option).

V. Bimbingan Pengguna

Antaramuka juga seharusnya menyediakan pembantu/pembimbing pengguna atau sekurang-kurangnya panduan untuk menggunakan laman web itu. Ini adalah bertujuan untuk membiasakan diri pengguna dengan fungsi-fungsi (features) yang disediakan di dalam laman web yang dimasuki.

4.1 REKABENTUK ANTARAMUKA BERGRAFIK (GUI)

Antaramuka pengguna bergrafik atau pada lazimnya dikenali sebagai GUI mempunyai beberapa kelebihan jika dibandingkan dengan antaramuka biasa iaitu antaramuka pengguna berdasarkan teks. Kelebihan-kelebihan itu adalah seperti:

- I. Antaramuka pengguna bergrafik secara relatifnya memudahkan lagi proses pembelajaran dan penggunaan sistem itu. Dengan cara ini, pengguna laman web yang baru menggunakan boleh belajar untuk membiasakan diri dengan antaramuka yang disediakan.
- II. Antaramuka jenis ini perlu mempunyai bingkai (frame) untuk pengguna berinteraksi dengan laman web. Jadi apabila berlakunya pertukaran antara satu fungsi dengan fungsi yang lain, hasil ‘output’ yang diberikan dapat dilihat dengan jelas pada skrin dan sebarang perubahan ditunjukkan.
- III. Masa yang diperlukan untuk sesuatu arahan pengguna juga adalah tepat dan cepat pada mana-mana bahagian di setiap muka laman web.

Antaramuka pengguna bergrafik juga mempunyai beberapa ciri lain yang membezakannya dengan yang bercirikan teks sahaja iaitu:

- I. Ikon - Ikon (icon) merujuk kepada jenis maklumat atau pautan yang berbeza. Ia juga digunakan untuk menunjukkan sesuatu proses yang akan dilakukan.
- II. Penuding - Ini digunakan sebagai tujuan untuk pengguna untuk menandakan sesuatu pada laman web dengan lebih mudah.
- III. Grafik - Grafik digunakan secara meluas bersama-sama dengan teks bagi menerangkan sesuatu idea atau benda dengan lebih terang.

Untuk tujuan rekabentuk antaramuka bergrafik bagi laman web pula, berikut adalah syarat atau panduan-panduan yang diperlu diikuti:

- I. Pastikan setiap skrin adalah ringkas

Setiap laman mesti mengandungi maklumat yang terhad dan perlu untuk keperluan setiap arahan yang akan dijalankan. Teks dan gambar-gambar grafik yang penting sahaja perlu diletakkan.

II. Penggunaan ‘text boxes’, ‘push button’ dan ‘radio button’

Elemen-elemen di atas serta fungsi tertentu untuk membuat arahan perlu ada pada sesuatu laman web. Misalannya, kotak teks (text box) digunakan untuk pengguna menaip maklumat diri pengguna sebelum membuat sebarang pembayaran.

III. Muka laman web bantuan pengguna (help screen)

Untuk menampung keperluan pengguna baru internet yang belum biasa dengan terminologi komputer, satu muka penerangan penggunaan laman ditunjukkan pada satu halaman khas.

IV. Penggunaan ‘check boxes’ yang tepat

Elemen ini digunakan hanya untuk kegunaan apabila kepastian seperti betul atau tidak digunakan (test condition).

V. Butang ‘Submit’ dan ‘Clear Form’

Dua elemen ini adalah sangat penting bagi pengguna untuk menghantar maklumat melalui borang di laman web. Laman web e-dagang yang akan dibangunkan akan memerlukan elemen ini untuk membantu pengguna membuat pesanan buku-buku.

VI. Kotak teks boleh dipanjangkan “scrolling text box”

Kotak teks yang boleh dipanjangkan adalah perlu untuk maklumat pengguna yang agak panjang seperti alamat rumah dan sebagainya. Dengan cara ini, maklumat yang panjang dapat diisi ke dalam kotak teks yang boleh dipanjangkan.

4.2 INTERAKSI PENGGUNA-LAMAN WEB

Apabila pengguna memasukkan url laman web e-dagang di dalam ruangan di ‘Address’ pada pelayar web seperti Internet Explorer, sebuah muka hadapan akan disampaikan. Dalam projek yang akan dibina ini, beberapa pendekatan telah diambil untuk memuaskan hati dari aspek pengguna dan menjadikan laman web ini suatu kejayaan.

4.2.1 Katalog online

Melalui pautan (link) yang diberikan, pengguna akan di bawa ke laman khas yang mengandungi senarai buku-buku terpakai yang dijual dari laman web ini. Maklumat penting seperti subjek, tajuk, tahap gred dan ID buku akan dipaparkan di sini. Dalam pada itu, setiap senarai akan juga mengandungi pautan (link) khas yang akan menerangkan secara terperinci tentang buku yang dipilih termasuklah gambar kecil.

4.2.2 Teknologi ‘Shopping Cart’

Salah satu keupayaan sesbuah laman web e-dagang adalah menerusi penggunaan ‘shopping cart’. Dalam projek ini, teknologi ini akan diimplementasikan menerusi penggunaan ‘cookies’. Secara ringkasnya, teknologi ‘shopping cart’ ini membolehkan pengguna melayari katalog yang tersimpan di laman web dan memilih buku-buku

yang dibeli untuk dimasukkan ke dalam ‘cart’. Pengguna diberi peluang untuk memilih kuantiti, membuang buku yang tidak mahu dibeli di dalam ‘cart’ sebelum membuat keputusan untuk memesan buku yang ingin dibeli.

4.2.3 Arahan mencari (search)

Selain pengguna memilih buku menerusi katalog di atas talian, mereka juga diberi pilihan untuk membuat pencarian buku-buku terpakai melalui arahan ‘search’. Kriteria-kriteria yang diberikan untuk tujuan ini adalah Kategori, Subjek, Tajuk, Tahap gred dan ID buku. Pengguna kemudiannya akan disampaikan dengan halaman yang mengandungi buku yang dicari daripada pencarian tadi. Sekali lagi, ‘cart’ akan ditujukan untuk pengguna memasukkan buku itu.

Perkara-perkara di atas adalah menjadi aspek penting dalam pembinaan laman web ini. Kelebihan-kelebihan yang diperolehi dari sini ialah:

- I. Pengguna berasa senang dalam melayari laman web dan tidak merasa keberatan ‘barrier’ untuk menggunakan.
- II. Pengguna dapat merasai peluang untuk membeli barang di internet menggunakan ‘shopping cart’.

4.3 Perkhidmatan Pengurusan kerjaya

- III. Pengguna akan mendapat tindakbalas ‘feedback’ pantas daripada fungsi yang dibuat.

web berdasarkan teknologi *client-server*, pengguna boleh menutup dengan teknologi *shopping cart*.

Pada awalnya, terdapat tiga jenama perkhidmatan pengurusan kerjaya:

- I. Masa yang dibutuhkan oleh sistem sejurus dengan teknologi *client-server* pengguna.

- II. Sistem berfungsi secara dinamik dan berinteraksi dengan pengguna.

- III. Dokumentasi yang lengkap mengandungi informasi untuk pengguna.

Tujuan di atas, untuk memudahkan web ke kaunter kerja dipahami serta dapat pelaksanaan oleh kerajaan sebagai pihak pengurusan kerjaya web ini.

4.3 Pembimbing Pengguna (help page)

Melalui bantuan pengguna, maklumat berkaitan penggunaan laman web disediakan. Tunjuk ajar diberikan untuk memilih buku, kuantiti dan memesan dengan teknologi ‘shopping cart’.

Pada amnya, terdapat tiga jenis pembimbing pengguna iaitu:


- I. Mesej yang dihasilkan oleh sistem selaras dengan tindakan semasa pengguna.
- II. Sistem bantuan secara di atas talian
- III. Dokumentasi khas untuk menggunakan laman web.

Jelas di sini, untuk projek laman web ini kategori ketiga dipilih iaitu dengan penggunaan satu skrin khas sebagai panduan penggunaan laman web ini.

4.4 Cadangan Rekabentuk Antaramuka Pengguna


Cadangan rekabentuk antaramuka pengguna ini merupakan lakaran kasar untuk muka-muka laman penting dan yang akan digunakan oleh pengguna nanti.

Cadangan yang akan ditunjukkan ini akan memuatkan fungsi-fungsi asas dan yang penting. Perkara-perkara yang akan dimasukkan adalah muka hadapan laman web, katalog buku, maklumat perniagaan, alamat berhubung dan panduan pengguna. Dalam setiap muka laman web ini mengandungi peringkat-peringkat seterusnya dan memerlukan manipulasi sehingga pengguna selesai membuat pilihan membeli serta mula membuat pesanan.




Gambarajah 4.1 : Cadangan Antaramuka Laman Utama Projek


Gambarajah di atas adalah berupa lakaran kasar rekabentuk antaramuka laman utama projek yang akan dibangunkan. Sebagaimana yang disebutkan dahulu, terdapat dua cara pengguna mendapatkan buku-buku yang diperlukan. Cara pertama adalah melalui pencarian terus dan kedua ialah melalui mengikuti link ke halaman katalog.




Gambarajah 4.2 : Halaman mengenai sejarah syarikat




Gambarajah 4.3 : Halaman mengenai maklumat syarikat



(a)





(b)



(c)


Gambarajah 4.4 (a,b,c) : Halaman yang memberitahu pengguna cara menggunakan laman web ini



Gambarajah 4.5 : Halaman yang menunjukkan skrin untuk pencarian buku secara spesifik mengikut kriteria pilihan.

4.5 GAMBARAJAH ALIRAN DATA (DATA FLOW DIAGRAMS)

Gambarajah Aliran Data (DFD) merupakan satu cara untuk menerangkan ciri data diproses melalui aliran data secara spesifik. Dalam DFD empat simbol asas digunakan untuk membina carta aliran data iaitu:



Gambarajah 4.6 : Simbol-simbol untuk membina Gambarajah Aliran Data

4.5.1 Kebaikan Pendekatan Gambarajah Aliran Data


Gambarajah Aliran Data (DFD) mempunyai empat kelebihan utama dalam menerangkan aliran data sepanjang perjalanan operasi sistem. Berikut ialah kebaikan-kebaikannya untuk tujuan pembangunan projek laman web ini:

- I. Mempunyai kebebasan daripada melibatkan implementasi sistem yang teknikal pada awal pembangunan.
- II. Kita dapat memahami dengan lebih terang dan mendalam perkaitan antara sistem utama dan sub-modul dibawahnya.
- III. Ia memudahkan proses menganalisa proposal sistem dalam memastikan sama ada data dan proses yang sepatutnya ada bagi sesuatu sistem telah diambil kira.

Untuk projek ini, gambarajah aliran data akan ditunjukkan melalui dua gambarajah berlainan iaitu pertama Gambarajah konteks dan kedua Gambarajah 0.

4.5.2 Gambarajah Konteks


Gambarajah ini merupakan tahap terawal dalam proses membangunkan Gambarajah Aliran Data dan ia mengandungi hanya satu proses. Proses ini menerangkan keseluruhan sistem. Di bawah adalah gambarajah konteks untuk projek laman web buku-buku terpakai ini:




Gambarajah 4.7 : Gambarajah Konteks Projek Laman web Buku-buku terpakai

4.5.3 Gambarajah 0

Gambarajah 0 adalah hasil daripada ‘meletupkan’ gambarajah konteks kepada penerangan yang lebih spesifik. Gambarajah ini akan dipaparkan untuk menunjukkan aliran datanya. Ia akan menjelaskan lagi proses yang berlaku dalam sistem ini. Dalam gambarajah ini terdapat beberapa proses lagi (antara 3 hingga 9 proses) yang mana proses-proses ini adalah hasil daripada meletupkan gambarajah konteks sebelumnya. Berikut adalah gambarajah 0 untuk projek laman web ini:



Gambarajah 4.8 : Gambarajah 0 Projek Laman web Buku-buku terpakai



Gambarajah 4.9 : Gambarajah Aliran Data untuk Laman web Buku-buku terpakai

4.6 KELEMAHAN CADANGAN REKABENTUK ANTARAMUKA

Rekabentuk yang dicadangkan adalah merangkumi ciri-ciri utama yang wajib dibangunkan dalam projek laman web ini. Penampilan yang ringkas iaitu ikon yang mudah dan tidak terlalu banyak grafik berat diadakan di laman web ini. Animasi ringkas telah diletakkan di muka hadapan. Ini sebagai salah satu aspek menarik pengguna melayari laman web ini.

Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang dipunyai oleh cadangan rekabentuk antaramuka ini. Ianya adalah seperti di bawah:

- I. Penerangan fungsi ‘shopping cart’ tidak dimasukkan secara lebih mendalam iaitu setiap fungsi-fungsi yang dipunyai oleh ‘shopping cart’ tidak disertakan dalam gambarajah konteks dan aliran data .
- II. Setiap proses harus ‘diletpukan’ lagi kepada aliran data yang lebih kecil bagi menerangkan fungsi sistem secara lebih spesifik.

4.7 PERUBAHAN CADANGAN REKABENTUK ANTARAMUKA

Cadangan rekabentuk antaramuka yang ditunjukkan akan dipertingkatkan lagi kualiti dan mutunya supaya ia lebih meyakinkan pengguna. Beberapa perubahan akan dilakukan semasa pembinaan laman web ini. Ia akan dibuat untuk meningkatkan lagi keberkesanan antaramuka dan menjadikan ia lebih ramah pengguna. Berikut adalah beberapa perkara yang akan dilakukan:

- I. Menambah pautan (link) untuk pilihan bagi pengguna menjalankan fungsi tertentu di setiap halaman .
- II. Menambah logo, grafik atau animasi yang bersesuaian bagi meningkatkan minat pengguna terhadap laman web ini.
- III. Pemilihan warna yang sesuai untuk setiap ‘background’ halaman laman web ini agar tidak menyakitkan mata pengguna.
- IV. Memperbaiki perkataan yang digunakan supaya pengguna mudah membaca dan memahami apa yang tertera di skrin.

5.1 Pengendalian

Bagi organisasi teknologi Tingkatan Lanjut bagi mengelakkan ini, ia memerlukan pengawal teknikal dan perihal yang kuat, serta digitik dengan hasil usaha yang penuh perancangan dan diintegrasikan dengan jenama dan dengan itu mencipta kualiti serta meningkatkan produktiviti dan efisiensi dalam kerja.

5.2 Pengendalian

Pengendalian dan perancangan merupakan dua perkara yang penting dalam teknologi maklumat dan komunikasi. Pengendalian merujuk kepada sistem yang berfungsi untuk menentukan nilai-nilai dan kriteria yang dikehendaki. Perancangan merujuk kepada teknologi maklumat dan komunikasi yang dibangunkan untuk mencapai tujuan tertentu.

Bab 5

Pengaturcaraan

Perancangan dan pengendalian ini dan teknologi yang berkembang semakin kompleks sehingga ciri-ciri terintegrasi dan salin-salinan antara sistem yang berbeza semakin meningkat. Ia memerlukan teknologi maklumat dan komunikasi yang berfungsi untuk menentukan nilai-nilai dan kriteria yang dikehendaki.

Pengendalian adalah proses yang berterusan dimanaanya perlu dilakukan dengan berkesinambungan. Keputusan yang diperoleh memerlukan stand yang kuat. Bagi peristiwa yang tidak mendapat dilakukan dengan menggunakan

BAB 5 : PENGATURCARAAN

5.1 Pengenalan

Bagi memastikan kejayaan Projek Laman web e-dagang ini, alatan pembangunan seperti perkakasan dan perisian yang sesuai telah dipilih dengan betul supaya proses pengkodan dapat dijalankan dengan lancar dan dengan itu mencapai objektif serta mampu melakukan tugas-tugas yang dikehendaki.

5.2 Pengkodan

Pengkodan dan pelaksanaan telah dilakukan di dalam fasa ini. Ia merupakan satu proses penukaran spesifikasi-spesifikasi rekabentuk yang telah dibuat dalam fasa analisa dan rekabentuk sistem kepada set-set program atau unit program secara berterusan dan berstruktur. Kemudian ianya akan berkembang kepada modul-modul dan fungsi-fungsi untuk membentuk sistem laman web ini. Ia bermula dengan pembangunan pangkalan data dan diikuti dengan menterjemah algoritma-algoritma kepada penulisan set-set program di dalam bahasa pengaturcaraan yang dikehendaki.

Oleh hal yang demikian, ianya adalah penting bagi seseorang pengaturcara itu untuk menghasilkan rekabentuk pangkalan data dan algoritma yang baik sebelum melakukan sebarang proses pengkodan. Ini adalah kerana adalah sukar sekiranya rekabentuk yang tidak lengkap ingin diterjemah kepada bahasa pengaturcaraan.

Pengkodan adalah satu proses yang berterusan dimana ianya perlu dilakukan dengan berterusan sehingga keputusan yang diperolehi memenuhi syarat yang diingini. Bagi projek laman web ini, pengkodan dilakukan dengan menggunakan pendekatan bawah-atas “bottom-up”, yang mana ia akan memudahkan pengujian dilakukan ke atas fungsi sebaik sahaja pengaturcaraan selesai. Sebelum pengkodan

dilaksanakan, alat-alat bagi tujuan pengkodan serta persekitaran pembangunan telah ditentukan terlebih dahulu supaya ia memenuhi kehendak pengkodan itu sendiri. Untuk projek laman web ini, bahasa pengaturcaraan ASP 3.0, Microsoft Access 2000 dan PWS telah digunakan.

5.3 Perlaksanaan Proses Pengkodan

Di antara perkara yang dilaksanakan dalam proses pengaturcaraan sistem ini termasuklah menyediakan spesifikasi pengkodan aturcara, mengkodkan setiap modul aturcara, menguji dan melaksanakan ujian dan mendokumentasikan modul-modul yang dibangunkan. Bagi melaksanakan proses ini langkah-langkah di bawah mesti dilalui:

- i) Spesifikasi Pengkodan
- ii) Pengkodan aturcara
- iii) Menguji himpunan aturcara.

5.4 Hasil Dari Fasa Pengkodan

Hasil daripada proses pengkodan, maka terciptalah paparan fungsi untuk antaramuka pengguna. Dalam kaedah pengkodan terdapat dua jenis cara pengaturcaraan iaitu Pengaturcaraan Bermodul dan Pengaturcaraan Berstruktur.

- i) Pengaturcaraan Bermodul

Pengaturcaraan jenis ini terhasil apabila menggunakan Konsep Gandingan bagi konsep rekabentuk aturcara berstruktur. Melalui cara ini, satu masalah kompleks akan dibahagi-bahagikan kepada bahagian-

bahagian kecil supaya mudah diurus dan dikodkan agar ia memberikan kesan minima terhadap sistem dan mudah ubahsuai dilakukan.

ii) Pengaturcaraan Berstruktur

Pengaturcaraan berstruktur berhasil apabila menggunakan Konsep Ikatan dalam rekabentuk sistem dan ia adalah satu cara pengaturcaraan yang tertib dan teratur.

BAB 6: Pengujian

6.1 Pengujian

Pengujian adalah teknik sains yang penting dalam sains teknikal. Pengujian merupakan teknik sains yang bagi menentukan nilai ukuran yang diambil mempunyai kebenaran, akurasi dan tidak biasa pada bahagian berkenaan dengan spesifikasi dan standar yang ditetapkan. Pengujian teknikal merupakan teknik sains yang penting dalam sains teknikal kerana ia membantu dalam menentukan maklumat mengenai sifat-sifat suatu objek atau bahan. Ia juga membantu dalam mengetahui jika suatu objek atau bahan yang dibuat memenuhi spesifikasi dan standar yang ditetapkan. Jika hasil pengujian menunjukkan bahawa objek atau bahan yang dibuat tidak memenuhi spesifikasi dan standar yang ditetapkan, ia boleh diperbaiki. Berikut adalah contoh berkaitan pengujian teknikal dalam sains teknikal.

Bab 6

Pengujian

Sebuah teknologi baru yang dikenali sebagai teknologi hidrokarbon telah dilaksanakan pada sebuah syarikat dengan bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti produk hidrokarbon yang ada. Untuk menentukan pengujian teknikal termasuk ciri kebolehan, ciri kestabilan serta ciri keselamatan pada teknologi hidrokarbon baru. Menurut hasil pengujian teknikal pada teknologi hidrokarbon baru, teknologi hidrokarbon baru ini mempunyai ciri kebolehan dan kestabilan yang baik. Namun, teknologi hidrokarbon baru ini masih belum mempunyai ciri keselamatan yang baik. Oleh itu, teknologi hidrokarbon baru ini masih belum siap untuk dilaksanakan dalam industri.

BAB 6 : PENGUJIAN

6.1 Pengenalan

Pengujian dijalankan apabila proses penulisan aturcara telah selesai. Pengujian merupakan elemen yang penting bagi memastikan sama ada sistem yang dihasilkan memenuhi kehendak pengguna atau tidak. Sistem yang baik dan berkualiti mampu menjalani apa juga pengujian yang diberikan. Dengan adanya langkah pengujian ini, spesifikasi-spesifikasi, rekabentuk dan pengkodan yang telah dijalankan semasa proses pembangunan sistem dapat diteliti dan dinilai semula. Ujian dijalankan untuk memastikan modul-modul dalam laman web ini adalah bebas daripada masalah ralat. Jika ralat dapat dikurangkan, maka sudah tentu keputusan yang baik seperti yang dijangka diperolehi. Sesuatu ujian yang baik dapat mengenalpasti ralat-ralat yang tidak dapat dikesan semasa fasa analisis, rekabentuk dan pengaturcaraan.

6.2 Jenis-Jenis Pengujian

Kebanyakan pengaturcara atau pembangun laman web melihat pengujian sebagai demonstrasi terhadap sistem tanpa ada sebarang masalah. Sebenarnya idea melakukan pembetulan terhadap demonstrasi adalah berlawanan dengan maksud pengujian. Pengujian yang dijalankan ke atas program adalah bertujuan untuk mendemonstrasikan kesilapan yang ada. Oleh kerana objektif pengujian adalah untuk mencari kesilapan, maka kesilapan yang ada akan diperbaiki untuk melihat pengujian berjaya. Mengenalpasti kesilapan adalah satu proses untuk menentukan apakah kesilapan atau penyebabnya manakala pembetulan kesilapan adalah proses melakukan

perubahan terhadap kesilapan tersebut. Oleh itu, kesilapan akan diperbetulkan. Terdapat beberapa jenis pengujian yang biasa dilakukan iaitu:

- a) Pengujian unit
- b) Pengujian modul dan intergrasi

6.2.1 Pengujian Unit

Dalam proses pembangunan Laman web e-dagang ini, pengujian dijalankan terhadapa atrucara fungsi dan modul. Pengujian unit dijalankan ke atas setiap komponen modul aturcara itu sendiri dan diasingkan daripada modul-modul yang lain dalam aplikasi.

6.2.2 Pengujian Modul dan Integrasi

Setelah berpuashati dengan setiap fungsi dan unit berjalan dengan baik dan memenuhi objektif, pengaturcara akan seterusnya menggabungkan setiap komponen modul ini kepada satu sistem. Penggabungan ini memberikan gambaran sebenar apabila berlaku kegagalan sistem. Seperti di peringkat pengujian unit, cara pengujian yang sama dilakukan, Cuma ia melibatkan unit yang banyak bagi setiap modul. Integrasi antara unit-unit dalam setiap modul juga dipastikan berfungsi dengan baik. Terdapat 4 jenis kaedah pengujian penggabungan komponen-komponen modul ini. Kaedah-kaedah tersebut adalah:

i) Integrasi bawah-atas

Kaedah ini sangat sesuai untuk menguji sistem yang besar dan merupakan kaedah yang popular. Dalam

kaedah ini, setiap komponen yang berada pada tahap paling bawah hierarki sistem diuji secara bersendirian terlebih dahulu. Kemudahan komponen seterusnya yang diuji ialah komponen yang berada pada tahap kedua bawah dalam hierarki sistem dengan menggabungkan komponen yang telah diuji itu. Proses ini diulang sehingga kesemua komponen dalam hierarki sistem diuji. Kaedah ini sangat sesuai apabila banyak komponen pada tahap bawah adalah utiliti untuk tujuan biasa dan akan digunakan oleh komponen atau modul lain.

ii) **Integrasi atas-bawah**

Kaedah ini banyak digunakan oleh pengaturcara di mana ianya berlawanan dengan kaedah yang di atas. Komponen yang berada pada tahap yang paling atas biasanya menjadi pengawal kepada komponen-komponen dibawahnya diuji terlebih dahulu. Komponen yang sedang diuji akan memanggil komponen yang lain yang belum diuji. Kelemahan kaedah ini ialah ia memerlukan banyak ‘stub’ sekiranya komponen yang berada pada tahap bawah melakukan banyak rutin untuk tujuan biasa seperti operasi input dan output. ‘Stub’ ialah aturcara bertujuan untuk mengetahui aktiviti bagi komponen yang tertinggal.

iii) Integrasi ‘Big-bang’

Kaedah ini menguji setiap komponen secara berasingan dan kemudian menggabungkan mereka bersama-sama untuk menghasilkan satu sistem. Kebanyakan pengaturcara menggunakan kaedah ini bagi sistem yang kecil dan ia adalah kurang praktikal bagi sistem yang besar. Ini kerana adalah sukar untuk mengenalpasti komponen mana yang menyebabkan berlakunya kesilapan.

iv) Integrasi ‘Sandwich’

Integrasi ‘Sandwich’ merupakan suatu corak pengujian yang mengabungkan kaedah pengujian atas-bawah dengan kaedah pengujian bawah-atas. Ia telah diperkenalkan pada tahun 1979.

Untuk Laman web e-dagang ini, ujian integrasi ‘Big-bang’ telah dilakukan. Ini kerana bagi memudahkan pembangun melakukan pengujian satu-persatu megikut modul-modul yang telah disusun. Kemudian modul-modul ini diintegrasikan menjadi satu sistem yang lebih sistematik.

6.3 Jenis-jenis Kesalahan

Setiap sistem akan mempunyai kesalahan yang mudah dan kesalahan yang sukar. Oleh itu, adalah penting untuk mengetahui apakah kesalahan yang perlu dikenalpasti. Terdapat dua jenis kesalahan iaitu Kesalahan Algoritma dan Kesalahan Sintak.

i) Kesalahan Algoritma

Kesalahan algoritma terjadi apabila komponen algoritma atau logik tidak menghasilkan output yang baik untuk input yang telah diberikan. Ini adalah kerana berlakunya sesuatu kesilapan semasa langkah pemprosesan. Kesalahan ini mudah dikenalpasti dengan melihat kepada aturcara atau dengan menghantar data input pada setiap kelas data yang berlainan. Penulisan penskriptan VBScript kerap menghadapi masalah ini kerana kebanyakannya pengaturcara terlupa untuk melengkapkan aturcara mereka. Jenis-jenis kesalahan algoritma adalah seperti berikut:

- > Ujian yang salah untuk syarat pilihan.
- > Terlupa untuk mengishtiharkan pembolehubah atau gelung berlainan.

ii) Kesalahan Sintak

Kesalahan atau kesilapan sintak boleh diperiksa semasa berlakunya kesilapan algoritma. Ini akan menyebabkan penulisan sesuatu bahasa pengaturcaraan tidak digunakan dengan tepat. Dalam pembangunan aturcara menggunakan penskriptan Vbscript ini, kesalahan sintak akan dapat dikesan, setelah aturcara dilarikan. Mesej ralat akan dipaparkan dan pengaturcara dapat

mengenalpasti dengan mudah dimanakah kesalahan sintak berlaku dan pembetulan dapat dilakukan.

6.4 Pengujian bagi Laman web e-dagang

Semasa pembangunan Laman web ini, proses pengujian kod-kod ASP dilakukan untuk melihat semua fungsi berjalan dengan betul. Pengujian yang telah dilalui untuk projek ini ialah:

6.4.1 Ujian Integrasi

Pengujian ini dilakukan ke atas modul-modul yang telah disepadukan. Kaedah Integrasi Menokok dilaksanakan di mana program diuji terhadap segmen-segmen yang kecil bertujuan untuk memudahkan pengesahan dan pengasingan ralat yang berhubung dengan antaramuka di antara modul-modul. Oleh itu, ralat-ralat yang wujud dapat dikenalpasti dengan lebih mudah dan proses pembetulan dapat dilakukan dalam jangka masa yang singkat. Jenis pengujian integrasi yang dilakukan ke atas projek laman web ini adalah:

- ◆ Ujian kesepaduan penyimpanan parameter untuk menjamin data yang dihantar dari satu modul kepada modul yang lain atau dari satu laman ke laman yang lain tidak hilang dan juga memastikan penyepaduan modul tidak memberi kesan negatif ke atas prestasi modul.
- ◆ Pengesahan Fungsi yang memastikan fungsi-fungsi yang dispesifikasi sediakan oleh sistem dan ianya berfungsi dengan betul.

6.4.2 Ujian Sistem

Ujian ini menumpukan kepada keseluruhan sistem setelah semua modul yang ada disepadukan. Objektif pengujian sistem adalah untuk memastikan bahawa sistem ini memenuhi keperluan pengguna. Dalam pengujian sistem ada 2 jenis ujian yang terlibat iaitu:

i) Pengujian Fungsi

Pengujian fungsi difokuskan kepada fungsi-fungsi sesuatu aplikasi. Oleh itu, pengujian fungsi adalah berdasarkan keperluan fungsi sistem. Pengujian terhadap fungsi laman web e-dagang ini adalah untuk bahagian-bahagian seperti:

- a) modul katalog buku
- b) modul shopping cart

Setiap modul ini diuji untuk menentukan sama ada aplikasi berfungsi seperti yang dikehendaki. Selepas itu, pengujian keseluruhan modul dilaksanakan di mana pengujian dilakukan untuk memastikan sama ada ia menepati kehendak keselamatan.

ii) Pengujian prestasi

Ia mengesahkan semua fungsi yang terdapat di dalam sistem berjalan dengan betul di samping memastikan sistem mencapai objektif-objektifnya dan beroperasi dengan betul. Pengujian prestasi adalah untuk keperluan bukan fungsi sesuatu aplikasi. Jenis-jenis pengujian prestasi yang terlibat dalam projek laman web ini adalah:

> Ujian Masa

Ujian ini dilakukan semasa masa pengunaan laman web bagi memastikan prestasi persembahan sistem secara keseluruhan. Ini termasuklah dari segi tindakbalas, ingatan yang digunakan dan kecekapan sistem.

> Ujian Faktor Kemanusian

Antaramuka Pengguna dan mesej diperiksa bagi memastikan bahawa aplikasi sistem mempunyai ciri-ciri mesra pengguna.

6.5 Hasil Pengujian

Hasil daripada peringkat pengujian ini, kita dapat mengenalpasti ralat-ralat yang berlaku pada sistem. Daripada ralat ini, pembangun dapat memperbetulkan kembali setiap kesalahan yang berlaku sehingga laman web ini dapat berfungsi dengan baik dan memenuhi keperluan pengguna. Pembetulan ini berlaku diperingkat penyelenggaraan sistem.

6.6 Penyelenggaraan

Penyelenggaraan dilakukan dengan membuat pembetulan ke atas kesilapan yang telah dikenalpasti semasa pengujian dijalankan. Pembetulan ralat seperti ralat logik adalah sangat perlu kerana ia boleh menggugat kebolehpercayaan sistem. Beberapa siri pembetulan akan diambil bagi membetulkan sebarang ralat yang dikesan.

7.7 MASALAH DAN PENYELESAIAN

Pengantar

Dalam pembelajaran apa pun sikap analitik, mencari pengetahuan

atau teknologi dengan akal alih, pelajar manusia berperang melawan diri

dengan Web halaman ini berusaha mencari sikap analitik, mencari pengetahuan

atau teknologi yang diperlukan dengan akal alih. Tujuan untuk mencari

pengetahuan atau teknologi dengan akal alih ini adalah agar

Bab 7

Masalah dan Penyelesaian

Untuk memudahkan pelajar dalam mencari pengetahuan

atau teknologi pengetahuan berdasarkan pengetahuan pelajar lain.

b) Sumber-sumber pengetahuan dan teknologi

Sumber-sumber pengetahuan dan teknologi, pelajar manusia masih

tidak menggunakan komputer untuk mencari pengetahuan dan teknologi

kecuali mereka yang tinggal di kota-kota besar atau di daerah-daerah yang

terdepan. Namun ada juga yang penggunaan teknologi

BAB 7 : MASALAH DAN PENYELESAIAN

7.1 Pengenalan

Dalam membangunkan apa jua sistem sekali pun, seseorang pengaturcara tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai masalah. Sepanjang membangunkan Laman Web E-Dagang ini, beberapa masalah telah timbul. Berikut adalah masalah-masalah yang dihadapi serta cara-cara penyelesaian yang diambil bagi menanganinya:-

a) Masa yang terhad

Masa memainkan peranan yang penting kepada seseorang pembangun sistem. Masa yang terhad merupakan salah satu faktor masalah kerana selain daripada membangunkan sistem, pembangun juga mempunyai tanggungjawab lain sepanjang pengajian di universiti.

Penyelesaian:

- ✓ Mengadakan satu jadual yang khusus dalam menghadapi setiap tugas kerana kebanyakan tugas kursus pengajian adalah dalam bentuk kertas projek yang memerlukan pembangun membuat penyelidikan bersama-sama pelajar-pelajar lain.

b) Sumber-sumber rujukan dan maklumat

Semasa proses pengumpulan data dijalankan, pelbagai masalah telah timbul terutamanya kesukaran untuk mencari maklumat yang tepat di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya. Masa penggunaan bilik

dokumentasi juga terhad (Masa dibuka 8.30 pagi – 12.00 tengah hari). Ini telah menyebabkan banyak masa terbuang untuk mendapat sumber rujukan.

Penyelesaian:-

- ✓ Sentiasa peka dengan maklumat terkini dan mendapatkan pertolongan daripada pelajar-pelajar senior yang telah menjalani projek ilmiah tahap akhir sebelum ini.

c) Penukaran bahasa pengaturcaraan daripada PHP 4.0 kepada ASP 3.0

Pada semester yang lalu semester khas (semester 3 sessi 2000/2001) pembangun mencadangkan di dalam proposal projek ilmiah 1 WXET3181 untuk menggunakan PHP 4.0, tetapi pada semester ini (semester 1 sessi 2001/2002) telah menukar rancangannya kepada ASP 3.0. Ini kerana didapati penggunaan PHP agak kurang di dalam industri berbanding ASP pada masa kini. Selain itu, penggunaan ASP lebih terjamin jika pembangun ingin ‘publish’ di internet kerana banyak pelayan web di internet yang menawarkan ruang percuma yang menyokong ASP.

d) Bahasa Pengaturcaraan ASP 3.0

Bahasa pengaturcaraan iaitu ASP 3.0 merupakan sesuatu yang baru kepada pembangun sistem. Ini kerana ia tidak pernah diajar secara khusus daripada ‘syllabus’ di FSKTM, Universiti Malaya.

Penyelesaian:-

- ✓ Membuat ulangkaji secara bersendirian dan bertanyakan kepada kawan-kawan yang lebih mahir di dalam ASP ataupun yang pernah menggunakan sewaktu menyiapkan thesis.

e) Pengolahan nota

Pembangun juga terpaksa mengambil masa yang agak lama untuk mengolah dan menterjemah nota kerana kebanyakan teks rujukan untuk ASP adalah dalam Bahasa Inggeris.

Penyelesaian:-

- ✓ Untuk memahami ASP, pembangun perlu memahaminya sejak dari awal semester 1 dan mengulangkaji sepanjang tempoh membangunkan sistem.

8.2 Penilaian Sistem

Pegah, teman sah cakap tentang sistem penilaian dan kelempengan yang terkenal, seperti pada klasifikasi berikut:

8.3 Klasifikasi

- a) **Asas-**
 - i) **Klasifikasi tradisional**:
Berdasarkan teknik penilaian yang dilakukan dan hasil penilaian yang diberikan.
 - ii) **Klasifikasi berorientasi hasil**:
Berdasarkan teknik penilaian yang dilakukan dan hasil penilaian yang diberikan.
- b) **Klasifikasi berorientasi proses**:

Digunakan untuk mengetahui tahap pencapaian dalam pelajaran dan menciri-ciri atau keadaan jalinan antara pelajar dengan guru pengajar.

Bab 8

Penilaian Sistem

Menurut buku maklumat sekolah, penilaian sistem yang menggunakan teknik asas klasifikasi tradisional memberi makna yang sangatlah penting.

Klasifikasi ini yang terdiri daripada teknik penilaian berorientasi hasil dan berorientasi proses, akan perangkat tidak berpuas hati bila...

- (a) Pendekar sah ketidakberhasilan penilaian SPC.

Ketidakberhasilan ini berpautan kepada sifat-sifat yang tidak memenuhi

BAB 8 : PENILAIAN SISTEM

8.1 Pengenalan

Projek laman web e-dagang ini mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri, seperti yang dinyatakan di bawah:

8.2 Kelebihan

- i) Antaramuka yang menarik

Rekabentuk sistem yang menarik membolehkan interaksi yang baik di antara komputer dengan pengguna dan ia akan lebih menarik dengan adanya grafik animasi dan sebagainya.

- ii) Kemudahan bantuan

Bagi kesenangan pengguna terdapat satu laman dalam projek ini yang memberi tunjuk ajar bagaimana proses menggunakan katalog dan shopping cart. Pengguna tidak perlu risau tentang perkara ini.

8.3 Kekangan / Kekurangan Projek Laman web e-dagang

- i) Login pengguna baru tidak diimplementasikan di dalam projek ini. Ini bermakna maklumat pengguna seperti identitinya tidak disimpan di laman web kecuali maklumat sewaktu pesanan yang mengandungi nama, alamat dan email pembeli.
- ii) Bilangan buku yang terdapat di laman web ini tidak banyak kuantitinya dan ini akan menyebabkan pengguna tidak banyak pilihan buku.
- iii) Projek laman web ini memberikan perniagaan B2C sahaja dan bukannya B2B. Ini bermakna pemilik buku-buku yang ingin menolak

bukunya kepada pengendali laman web ini tidak boleh melaksanakannya secara di atas talian kerana tiada kemudahan tersebut di laman web ini. Mereka yang mempunyai buuk-buku lama tersebut perlu menghubungi alamat yang tertera di laman web bagi menghubungi ‘webmaster’ laman web ini.

- iv) Ia adalah penting bagi menggunakan perisian yang lebih ‘reliable’ untuk pangkalan data laman web ini. Satu perisian yang ingin diutarakan di sini ialah Microsoft SQL. Perisian ini lebih ‘stable’ dan dapat menerima banyak kuantiti pengguna yang mengakses data. MS Access tidak begitu stabil kerana ia tidak dapat menerima data pengguna yang sangat banyak dari pengguna dan ini akan menyebabkan masalah ‘database inaccuracy’.

8.4 Evolusi projek

Untuk menjadikan pakej ini lebih berkualiti dan menarik, berikut dicadangkan beberapa kerja lanjutan yang boleh dilakukan pada masa hadapan, iaitu:

- i) Membuat pertukaran sistem supaya ia membolehkan orang ramai menghantar buku mereka untuk dijual di laman web ini. Ini bermakna laman web ini bercirikan B2B.
- iii) Meningkatkan lagi mutu persebahan laman web ini terutamanya dari segi rekabentuknya bagi menambah perhatian dan menyenangkan pengguna yang memasuki laman web ini.
- iv) Menggunakan pangkalan data SQL untuk projek ini pada masa depan.

Cadangan

Dalam masa yang singkat beberapa ahli dalam projek telah menyatakan bahawa hasil kerjanya akan sama dengan hasil ahli dari Kementerian Pertubuhan Matematik Universiti Malaya.

Kesimpulan

Berdasarkan hasil kerjanya

Boyle

Peringkat

Saya meng-

menyatakan hasil kerjanya

berlaku di pihak kerajaan C. Di samping itu hasil kerjanya

Bab 9

Cadangan dan Kesimpulan

BAB 9 : CADANGAN DAN KESIMPULAN

9.1 Cadangan

Di sini saya ingin memberi beberapa cadangan mengenai projek ilmiah tahap akhir yang harus dijalankan oleh semua pelajar tahun akhir Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya.

- ✓ Setiap pelajar tahun akhir yang sedang menyiapkan projek ilmiah seharusnya menyerahkan laporan aktiviti mereka dari masa ke semasa kepada penyelia masing-masing. Dengan ini, penyelia dapat mengetahui aktiviti pelajar-pelajar dan memberi nasihat jika perlu.
- ✓ Saya ingin mencadangkan supaya pihak pengurusan di FSKTM memahami masalah pelajar untuk mencari dan mendapatkan maklumat berkaitan di bilik dokumentasi. Bilik dokumentasi agak kecil manakala laporan-laporan berjilid kebanyakannya masih belum disusun di atas rak-rak disediakan.
- ✓ Saya juga ingin mencadangkan supaya kursus ASP 3.0 dimasukkan di dalam silibus pelajaran di FSKTM bagi menyenangkan pelajar-pelajar yang ingin membuat thesis tentang laman web.

9.2 Kesimpulan

Projek laman web e-dagang ini adalah penting untuk pelajar-pelajar FSKTM mencari buku-buku terpakai untuk kursus mereka. Banyak manfaat yang akan diperolehi oleh pengguna. Diharapkan projek ini akan diimplementasikan dan digunakan oleh pelajar dalam mengikuti pelajaran mereka di kampus. Saya sentiasa membuka pintu sekiranya selepas selesai projek ini, bantuan orang lain diperlukan lagi bagi tujuan mengembangkan skop dan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang masih wujud.

Menerusi proses pembangunan laman web ini, pengaturcara telah mengalami pelbagai masalah dan telah menimba pengalaman yang berharga darinya. Pengalaman yang paling penting dirasakan ialah pentingnya perancangan masa yang teratur dalam menyiapkan sesuatu kerja. Sesungguhnya, dapat dirasakan bahawa kebanyakan punca masalah adalah disebabkan pengurusan masa yang tidak cekap. Maka, diharapkan pengalaman yang dipelajari ini boleh membantu saya dalam menghadapi masalah sewaktu di alam pekerjaan nanti. Walaupun banyak masalah yang berlaku, akhirnya projek ini dapat juga disiapkan, walaupun mungkin terdapat kelemahan yang harus diperbaiki dan dipertingkatkan. Sekian.

RUJUKAN

1. Dr. Harvey M. Deitel, Paul J. Deitel dan Test K. Narayan, *Windows and Application Programming Using C++*, Prentice-Hall Inc.
2. Stephen, W., *Architectural Patterns*, First Edition Edisi 2000, Addison Wesley Publishing.
3. Kenneth E. Kendall dan John M. Kendall, *Software Engineering*, Addison Wesley Longman Publishing Company.
4. Karen Taylor, *Cambridge Learner's Dictionary*, 1995, Oxford University Press.
5. National Writing Project, penulis buku internet yang berinteraksi dengan penulis buku internet 1997, <http://www.nwp.org>
6. Laman web "For Everyone" yang mengandung pelajaran bahasa Inggris <http://www.english-test.net>
7. Laman web "For Everyone" yang mengandung pelajaran bahasa Inggris <http://www.english-test.net>

RUJUKAN

1. Dr. Harvey M. Deitel, Paul J. Deitel dan Tem R. Nieto; *e-Business and e-Commerce How to Program*.2001; Prentice-Hall, Inc.
2. Stephen, W.; *Active Server Pages*. First Edition.Indiana1998; Sams Publishing.
3. Kenneth E. Kendall dan Julie E. Kendall; *System Analyst and Design*. Edisi Keempat, 1999; Prentice-Hall, Inc.
4. Wankyu Choi , Allan Kent, Crist Lea, Ganesh Prasad, Chris Ullman; *Beginning PHP4*. 2000; Wrox Press Ltd.
5. Kamus *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. 1995; Oxford University Press.
6. Maklumat tentang penyedia perkhidmatan internet ISP yang menawarkan laman web berdasarkan PHP.
<http://hosts.php.net>
7. Laman web “PHP Everywhere” yang mengandungi pelbagai maklumat tentang PHP4.

16. <http://php.weblogs.com>

17. <http://www.aspfree.com/article.asp>

18. <http://www.aspHelp.ws>

Contoh laman web ‘online bookstore’ di internet

8. <http://www.amazon.com>

9. <http://www.thesmallworldbookstore.com>

10. <http://www.1800student.com>

11. <http://www.vstore.com>

12. <http://jrandom.seekbooks.com\index.html>

13. Laman web E-Commerce Nethandbooks.com

URL yang menerangkan perihal e-commerce

<http://www.nethandbooks.com/ecintro.htm>

14. URL yang menerangkan tentang ‘server-side scripting’

<http://www.nethandbooks.com/ss.htm>

15. Sejarah perkembangan e-commerce

http://members.tripod.com/Tara_D/index-2.html

16. <http://www.asp101.com/samples/index.asp>
17. <http://www.aspfree.com/default.asp>
18. <http://www.asppipeline.com>

LAMPIRAN

PENDAHULUAN

Manual Pengguna ini berfungsi untuk memberi panduan kepada pengguna laman web e-dagang buku-buku terjemah. Selain itu, ia juga akan membantu pengguna yang perlukan maklumat penting tentang alat bantu pelajaran dan teknologi yang digunakan dalam pembelajaran di sekolah untuk tujuan mendidik dan memperbaiki peringkat. Setiap fungsi dikemaskini dengan teliti agar dapat memberikan pengguna maklumat buku-buku yang tersedia di laman web ini.

Manual Pengguna

RAM	DISK	VIDEO
Cakera Kaca	1.2 GB	10 GB dan ke atas
Monitor	SVGA	SVGA
Paparan Warna	16 Bit	22 Bit
Peranti Input	Padan, Kelepas dan Telfon	Padan, Kelepas dan Telfon
Sehubungan ke internet	Telfon 'dial-up'	Telfon 'dial-up' atau

MANUAL PENGGUNA**PENGENALAN**

Manual Pengguna ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pengguna laman web e-dagang buku-buku terpakai. Untuk tujuan ini, setiap ciri dan langkah-langkah yang perlu diambil bagi melayari setiap laman di laman web ini diberitahu kepada pengguna. Setiap fungsi diterangkan dengan jelas agar dapat memudahkan pengguna membeli buku-buku yang terdapat di laman web ini.

Adalah diharapkan agar laman web ini dapat memenuhi kehendak dan memberi faedah kepada pengguna walaupun masih terdapat banyak kekurangannya.


KEPERLUAN MINIMUM PERISIAN DAN PERKAKASAN

Perkakasan	Minima	Cadangan
Pemproses Mikro	Pentium II 266 Mhz	Pentium III 450 Mhz
RAM	64 MB	128 MB
Cakera Keras	3.2 GB	10 GB dan ke atas
Monitor	SVGA	SVGA
Paparan Warna	16 Bit	32 Bit
Peranti Input	Papan Kekunci dan tetikus	Papan Kekunci dan Tetikus
Sambungan ke internet	Talian 'dial-up'	Talian 'dial-up' atau LAN
Sistem Pengoperasian	Windows 98	Windows 98,ME

Katalog buku

Apabila pengguna membuka browser dan menaip url laman web ini paparan muka depan laman web ini akan dioutputkan ke skrin monitor anda.

Muka hadapan laman web(index.html).

**Keterangan:**

Pada muka pertama laman web ini terdapat empat 'link' utama yang berada di bahagian menu di sebelah kiri.

Katalog buku

Link ini akan membawa anda ke laman seterusnya yang mengandungi senarai buku-buku yang dijual di laman web ini.

Sejarah Syarikat

Link ini adalah laman yang menerangkan sejarah penubuhan syarikat laman web ini.

Maklumat tentang syarikat

Link ini adalah laman yang memberitahu pengguna mengenai alamat, nombor telefon dan email syarikat. Ia disediakan bagi pengguna yang ingin menghubungi syarikat bagi membuat pertanyaan dan mendapatkan maklumat lanjut.

Bantuan pengguna

Link ini adalah laman cara menggunakan laman web ini. Ia menerangkan langkah – langkah yang perlu untuk pengguna mengetahui bagi memudahkan proses membeli buku di laman web ini.

Di sebelah kanan laman web terdapat bahagian *Tawaran buku* dan *Buku Popular*. Kedua-dua ikon buku ini merujuk kepada buku yang dijual di laman web ini. Link beli buku ini jika ditekan oleh pengguna akan membawa pengguna ke laman web katalog di mana pengguna boleh memesan buku tersebut.

Laman katalog (Products.asp).

Katalog buku Microsoft Internet Explorer

File Edit View Favorites Tools Help

Back Forward Stop Refresh Home Search Favorites History Mail Print Edit Discuss

Address http://hafiz/pl2/Products.asp

Katalog buku
Syarikat Vena Bookstore
Sila klik tajuk buku yang diingini

[Kembali ke laman depan]

ID Buku	Tajuk Buku	Harga
1	Discrete Mathematics and its applications <i>3rd edition, Kenneth H. Rosen, 1995</i>	RM 50
2	Database Processing Fundamentals, Design and Implementation <i>David M. Kroenke, 1995</i>	RM 35
3	Marketing management <i>Russell S. Winer, 1999</i>	RM 38
4	Small Business Management: an entrepreneurial emphasis 10th edition, <i>Justin G. Longenecker, Carlos W. Moore, J. William Petty, 1997</i>	RM 40
5	C: How to program 2nd edition, H.M. Deitel, P.J. Deitel, 1994	RM 40
6	Operating Systems Internal and Design Principles <i>3rd edition, William Stallings, 1998</i>	RM 40
7	Software Engineering 5th edition, Ian Sommerville, 1998	RM 45
8	Introduction to Managerial Accounting 1st edition, 10th edition, Charles T. Horngren, Gary L. Sundem, William O. Stratton, 1996	RM 48
9	Data & Computer Communication 5th edition, William Stallings, 1997	RM 40
10	Computer Architecture and Logic Design Thomas C. Bartee, 1991	RM 28
11	Introduction to Data Communication and Networking 1st edition, Behrouz Forouzan, 1998	RM 38
12	C++ How To Program 2nd edition, H.M. Deitel, P.J. Deitel, 1995	RM 45
13	Principles of Marketing, 1st edition, Philip Kotler, Gary Armstrong, 1996	RM 39
14	General Principles of Malaysian Law, Lee Mei Pheng, 1997	RM 18
16	Operating System Concepts, 5th edition, Silberschatz, Abraham 1998	RM 24
17	Dummies 101: C++ Programming, Nairn, Clement, Shammas 1996	RM 19
18	Basic Financial Management, 8th edition, David R. Scott, Jr., John D. Martin, J. William Petty, Arthur J. Keown, 1996	RM 24
19	Human Resource Management, 7th edition, 1st edition, Gary Dessler, 1997	RM 38
20	Business Ethics, 3rd edition, William H. Shaw, 1999	RM 20

[Lihat Shopping Cart]

Keterangan:

Ini adalah laman katalog iaitu pengguna akan dapat melihat senarai buku-buku teks dan rujukan yang boleh dibeli di laman web ini. Setiap tajuk yang

bergaris bermaksud ia adalah ‘link’. Pengguna yang ingin membeli buku harus menekan link pada tajuk buku itu. Jika link tersebut ditekan, satu laman yang menerangkan secara terperinci buku tersebut akan ditunjukkan.

Di bahagian atas laman ini terdapat link [Kembali ke laman depan]. Link ini jika ditekan akan membawa pengguna kembali ke muka hadapan laman web e-dagang ini.

Di bahagian bawah sekali ada terdapat link [Lihat Shopping Cart]. Link ini pula akan membawa pengguna ke laman yang menunjukkan kandungan shopping cart pengguna.

Keterangan:


Pengguna mungkin membeli buku dan akan membeli buku lagi. Ia membolehkan maklumat berikut buku lain di dalam buku yang dibeli. Dikawalinya pada akhirnya berikut.

Untuk buku dalam cart, anda boleh berinteraksi untuk membeli buku
atau buku dalam shopping cart.

Pilih buku
Pengguna boleh membeli jumlah buku yang
mungkin dibeli di sini.

Di bahagian bawah laman web ini ada dua link ini:

Kembalikan buku - Pengguna yang ingin kembali ke laman katalog



Keterangan:

Pengguna setelah menekan link tajuk buku tadi akan memasuki laman ini. Ia menunjukkan maklumat terperinci buku iaitu ID buku, tajuk dan harga.

Dibawahnya pula terdapat berikut:

Ikon Masuk dalam cart : Ikon ini bertujuan untuk memasukkan buku ini ke dalam shopping cart.

Pilihan kuantiti : Pengguna boleh menukar jumlah buku yang ingin dipesan di sini.

Di bahagian bawah laman web ini ada dua link iaitu:

Kembali ke katalog : Pengguna yang ingin kembali ke laman katalog


Lihat shopping cart : Jika pengguna ingin mengetahui kandungan buku-buku yang telah dimasukkan ke dalam shopping cart, pengguna boleh menekan ikon ini.

Selepas pengguna menekan ikon Masuk dalam cart, fail shopcart.asp akan menerima ID buku, tajuk buku, harga dan kuantiti buku dan menyimpannya ke dalam ‘session-cookie’ pembeli. Kemudian browser akan kembali ke laman katalog (products.asp).

Keterangant

Laman ini adalah laman shopping cart untuk pada buku-buku yang dipilih oleh pengguna. Laman ini hanya boleh diakses “user” sahaja juga untuk mengeliminasi pengetahuan di dalam shopping cart (session-cookie). Apabila pengguna sudah selesai dan berada untuk memuat turun pesanan, mereka boleh klik pada kn. (Cart). Selaras dengan pengaturan sistem pada laman banting pesanan buku seperti di maklumat sebelumnya.

Laman kandungan shopping cart (shopcart.asp).



Keterangan:

Laman ini adalah laman shopping cart. Di sini segala buku-buku yang dipilih akan dicatatkan. Laman ini bukan sahaja untuk buang ‘item’ tetapi juga untuk mengemaskini kuantiti di dalam shopping cart (session-cookie). Apabila pengguna sudah setuju dan bersedia untuk membuat pesanan, mereka boleh klik pada link [\[Pesan\]](#). Selepas ini pengguna akan pergi ke laman borang pesanan buku seperti di muka surat sebelah.

Laman borang pesanan buku (orderinfo.asp).

Pesanan: Syarikat Vena Bookstore - Microsoft Internet Explorer

File Edit View Favorites Tools Help
 Back Forward Stop Refresh Home Search Favorites History Mail Print Edit Discuss

Address: http://hafiz/p2/OrderInfo.asp

Borang Pesanan
Syarikat Vena Bookstore
Sila baca dengan teliti sebelum menekan ikon pesan.

ID Buku	Tajuk Buku	Kuantiti	Harga	Jumlah
1	Discrete Mathematics	1	RM 50	RM 50

Duit seimbang: **RM 2**
 Kos penghantaran: **RM 5**
 Jumlah harga: **RM 57**

Sila masukkan maklumat peribadi anda di bawah

Nama:	<input type="text"/>
Nama kehujung:	<input type="text"/>
Alamat:	<input type="text"/>
Poskod:	<input type="text"/>

Bandar:	<input type="text"/>
No. Telefon:	<input type="text"/>
Email:	<input type="text"/>


Saya berumur 18 tahun ke atas
 Sila hantar kepada saya salinan borang pesanan ini ke alamat email di atas

Pesan

Keterangan:

Pengguna ketika ini berada pada laman orderinfo.asp dan ia adalah borang dimana pengguna harus mengisi maklumat nama dan alamat dan menekan ikon ‘PESAN’. Alamat email diperlukan dan terdapat pilihan supaya salinan borang ini dihantar ke alamat email pengguna yang memesan buku.


Jika pengguna terlupa untuk mengisi alamat email dan terus menekan ikon PESAN maka laman di bawah akan ditunjukkan.



Pengguna harus menekan link [\[Back\]](#) untuk kembali mengisi alamat yang betul. Pengguna yang mengisi maklumat dengan betul dan menekan ikon PESAN akan menerima salinan borang di dalam email mereka. Fail ordersend.asp berfungsi untuk menghantar borang pesanan ini. Fail ini juga akan ‘reset’ ‘session-cookie’ pengguna itu tadi.

Ketiga-tiga laman web berikutnya mempunyai link-link yang sama dibawahnya iaitu Kembali ke katalog – untuk pergi ke laman katalog, Bantuan – untuk pergi ke laman bantuan pengguna dan Muka hadapan – untuk pergi ke muka depan laman web.

Laman Sejarah syarikat (sejarah_syarikat.htm).



Laman maklumat syarikat (maklumat_tentang_syarikat.htm).

The screenshot shows a Microsoft Internet Explorer window displaying a company information page. The title bar reads "Maklumat tentang syarikat - Microsoft Internet Explorer". The menu bar includes File, Edit, View, Favorites, Tools, and Help. The toolbar contains Back, Forward, Stop, Refresh, Home, Search, Favorites, History, Mail, Print, Edit, and Discuss. The address bar shows the URL "http://hfbz/pl2/maklumat_tentang_syarikat.htm". The page content features a yellow sidebar on the left with the text "Laman Web Buku-Buku Terpakai untuk Pelajar-Pelajar PSKTM Uni Malaya". A large orange header box contains the text "MAKLUMAT TENTANG SYARIKAT". Below the header, there is a large graphic of a paperclip. Contact details are listed: NO. TEL 016-2735457, FAX 03-42571727, ALAMAT Vena 2001 Enterprise, 36, Jalan 1, Ampang Jaya, 68000 Ampang, Kuala Lumpur. An EMAIL link points to hfbz@im.net.my. At the bottom, links include "Kembali ke katalog", "Bantuan", and "Muka hadapan". The status bar at the bottom right indicates "Local intranet".

Laman bantuan pengguna ([cara_menggunakan_laman_web.htm](http://haliz/pl2/cara_menggunakan_laman_web.htm)).

The screenshot shows a Microsoft Internet Explorer window with the title bar "Cara menggunakan laman web - Microsoft Internet Explorer". The address bar contains the URL "http://haliz/pl2/cara_menggunakan_laman_web.htm". The page content is titled "Bantuan Menggunakan Laman Web (HELP)". A yellow banner on the left says "Laman Web Buku-Buku Terpaktai untuk Pelajar Pelajar FEKTM Uni. Malaya". A blue button on the right says "BANTUAN (HELP)". Below the title, there is a section titled "Bagaimana Menggunakan Katalog Online". It describes two ways to search for books: clicking a link to the catalog or using a search bar on the website. It also explains how to view details about a specific book and how to add it to a shopping cart. Another section discusses how to change the quantity of books in the cart and complete the purchase process.

Bantuan menggunakan laman web (HELP)

Bagaimana Menggunakan Katalog Online

Anda boleh mencari buku-buku yang dikehendaki di inventori kami melalui dua cara. Pertama, anda boleh mengikuti link ke Katalog. Di sini terdapat katalog buku-buku yang dapat dibeli menerusi laman web ini. Cara kedua adalah dengan menggunakan pencarian di muka hadapan laman web. Pencarian ini mempunyai beberapa kriteria iaitu Kategori buku, Subjek, Tajuk dan Nombor ID. Untuk menggunakan cara ini, masukkan kriteria-kriteria pemilihan di dalam ruang-ruang yang disediakan.

Anda kemudian akan dipersembahkan dengan tajuk-tajuk buku yang diperolehi dari pencarian. Anda boleh melihat maklumat lanjut tentang buku tertentu atau membuat pencarian baru dengan menekan link yang disediakan pada bahagian bawah laman tersebut.

Daripada hasil pencarian kriteria dikehendaki, anda boleh memilih untuk membaca maklumat lanjut tentang buku yang diingini dengan klik kepada imej buku. Apabila anda sudah membuat keputusan untuk membeli buku itu, tandakan kuantiti buku yang hendak dipesan pada bahagian 'shopping cart'. Selepas itu klik ikon 'masuk ke dalam cart'. Satu mesej kecil akan menunjukkan penerimaan buku yang dimasukkan ke dalam 'cart'. Pada waktu ini buku yang dipilih itu akan diletakkan ke dalam 'cart'. Selepas ini anda diberi pilihan untuk membatalkan buku yang dimasukkan dengan menekan ikon buang atau meneruskan ke proses memesan.

Pada waktu ini anda boleh menyambung memilih buku-buku seterusnya dengan menekan ikon yang terdapat di skrin atau anda boleh memeriksa 'shopping cart' atau terus ke link untuk proses memesan dengan menekan ikon 'check out'.

Apabila anda menekan ikon ini, anda akan dipersembahkan dengan skrin yang menunjukkan buku-buku yang dipilih. Di sini anda mempunyai beberapa pilihan iaitu:

- ◆ a. Ubah kuantiti dengan memasukkan kuantiti baru dan menekan butang 'TUKAR'

- ◆ b. Membuang buku yang diletakkan sebelum ini dengan menekan butang 'BUANG'
- ◆ c. Memilih untuk menyambung melihat katalog dengan menekan link 'Kembali ke katalog'
- ◆ d. Pergi ke proses pembelian dengan menekan butang 'PESAN'

Memesan

Pada borang pesanan anda dikehendaki memasukkan maklumat diri anda dan di akhir laman web tekan butang 'PESAN'.

Caj perkhidmatan

Untuk setiap buku yang dipesan, kos perkhidmatan/pengangkutan akan dicaj melalui kiraan 10% dari jumlah harga pesanan untuk kawasan Kuala Lumpur dan 15% untuk kawasan luar dari Kuala Lumpur.

